



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217, 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 0579, 03 – 8888 8685 (KP),
E-mail : pro@dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

Oleh;

Y.H. DATO' DR. ABDUL AZIZ BIN JAMALUDDIN
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

03 Disember 2009

JPV SEBAGAI AGENSI PENERAJU INDUSTRI WALIT NEGARA

1. Pada 1 April 2009, Kabinet telah memutuskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menjadi agensi peneraju bagi industri walit negara. Sebagai peneraju, JPV membuat keputusan untuk menggunakan istilah walit berdasarkan Seksyen 24 Akta Doktor Veterinar (1974) : *Tiada sesuatu perakuan atau sesuatu dokumen lain yang dikehendaki oleh mana-mana undang bertulis atau selainnya supaya sebaliknya untuk ditandatangani oleh seorang doktor veterinar yang berkelulusan dengan sempurna yang diberi selepas Akta ini mula berkuatkuasa boleh menjadi sah melainkan ditandatangani oleh seorang doktor veterinar berdaftar.* Ini adalah kerana terdapat perbezaan yang nyata di antara burung walit dan burung layang-layang dari aspek taxonomi, morfologi dan perilaku. Hanya sarang burung walit sahaja boleh dimakan.
2. Amalan Perladangan yang Baik untuk perladangan burung walit telah disiapkan dan telah diangkat ke pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk mendapatkan *Malaysian Standard* (MS). Kebanyakan perladangan burung walit di negara ini masih tidak mengamalkan Amalan Perladangan yang Baik dan tidak mesra alam. Ini menimbulkan masalah di kalangan masyarakat umum, termasuk gangguan bunyi alat ajuk bunyi burung, bau busuk atau penyakit berjangkit.

3. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar sudah selesai menyiapkan Garis Panduan Industri Walit Negara (1GP) setelah mengambil kira input daripada agensi kerajaan berkaitan dan pihak industri. Garispanduan yang akan dipanjangkan ke kabinet dalam jangka masa yang terdekat ini akan melibatkan penyelarasan dan pemantauan industri bermula dari perladangan sehinggalah penghasilan produk asas tani termasuklah *edible bird nest* dan juga hasilan bukan makanan seperti *guano*.

Garispanduan bersepadu ini merangkumi:

- Peraturan, undang-undang dan kaedah tatacara perlesenan
- Amalan Pengilangan Baik (Good Manufacturing Practices)
- Amalan Perladangan yang Baik (Good Animal Husbandry Practices) untuk perladangan burung walit

4. Jabatan juga sedang menggubal satu undang-undang khas untuk industri walit di bawah Seksyen 86, Akta Binatang 1953 (Semakan - 2006) (Akta 647) yang dikenali sebagai Kaedah-Kaedah Binatang (Pendaftaran Premis Bagi Industri Walit) 2009. Tujuan undang-undang ini adalah untuk mendaftar semua premis perladangan dan pemprosesan sarang burung dan menekankan aspek dayajejak (traceability) serta kebersihan premis. Akta Binatang 1953 (Semakan -2006) juga memberi kuasa kepada JPV untuk mengawalselia Biosekuriti dan Sanitari dan Fitosanitari (SPS) bagi tujuan kawalan penyakit dan mengambil tindakan sekiranya kebajikan haiwan diabaikan atau adanya berlaku kezaliman ke atas burung walit.

5. JPV telah juga mewujudkan laman sesawang *Burungwalit.com.my* untuk pendaftaran premis walit di seluruh negara secara berperingkat. *Burung walit.com.my* adalah daya jejak untuk pemantauan, pengawalseliaan dan pendaftaran yang boleh dicapai oleh pihak tertentu secara maya. Setiap premis yang berdaftar akan diberikan nombor *Radio Frequency Identification Device* (RFID) sebagai konsep dayajejak. Kad pengenalan premis haiwan akan juga diberikan setelah premis berdaftar dengan JPV.

6. JPV sebagai peneraju telah juga berjaya menangani isu-isu berkaitan perladangan walit seperti perladangan di bangunan warisan, larangan perladangan walit berdekatan lapangan terbang dan juga isu penutupan premis perladangan walit di kawasan bandar. Selain itu, JPV juga terlibat di dalam pengendalian kursus-kursus untuk penternak walit sejak tahun 2005 lagi. Sehingga kini JPV masih aktif di dalam memberikan kursus kepada penternak-penternak burung walit dan sentiasa bekerjasama dengan Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia untuk memajukan industri burung walit negara.